

01/11/1997

Chile sokong bursa mata wang

zil; Hatipah Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Cadangan Malaysia supaya mengadakan pasaran khusus mata wang dan ketelusan lebih luas terhadap urus niaga mata wang terus mendapat sokongan negara membangun terutama di kalangan kumpulan G-15.

Yang terbaru ialah dari Chile apabila Menteri Ekonominya, Alvaro Garcia, turut menyokong pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kemelut ekonomi di seluruh dunia sekarang membuktikan pentingnya ketelusan dalam urusniaga mata wang.

"Urus niaga mata wang yang lebih telus menjadi semakin penting, terutama pada situasi ekonomi yang begitu genting sekarang. Cadangan Malaysia supaya menjadikan urus niaga mata wang lebih telus berbanding sepatutnya diberi perhatian serius," katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan di Mesyuarat Menteri-menteri Perdagangan dan Ekonomi G-15 yang pertama di sini, hari ini.

Menurutnya, lebih telus urusniaga mata wang dijalankan sekarang adalah lebih baik.

"Ketika ini maklumat mengenai sebarang sumber yang membabitkan urus niaga mata wang begitu terhad, kerana itu saya fikir suatu peraturan lebih kukuh diperlukan sekarang," katanya.

Ditanya sama ada perlunya peraturan baru untuk mengawal urusniaga mata wang, Garcia berkata isu ini perlu dibahaskan dengan lebih mendalam kerana semua orang faham mengenai urusniaga barangan dan perkhidmatan, tetapi setakat ini tiada peraturan atau pasaran khusus untuk mata wang.

"Sebarang peraturan yang diadakan untuk urusniaga kewangan boleh membantu perkembangan dan pembangunan negara-negara membangun," katanya.

Menjawab soalan, Garcia berkata pada mesyuarat pada sebelah pagi menteri-menteri ekonomi berbincang hangat mengenai kejatuhan pasaran yang berlaku di seluruh dunia.

"Kami di Chile berpegang kepada prinsip iaitu mengelak kehadiran sebarang modal atau pelaburan jangan pendek.

"Walaupun kami mengalu-alukan kehadiran pelabur asing, tetapi kami tidak mempunyai ruang untuk pelabur spekulasi kerana ia hanya akan mencetus masalah utama dalam ekonomi kami," katanya.

Mesyuarat pemimpin-pemimpin negara G-15 yang bermula Isnin ini dijangka menyentuh masalah krisis kewangan yang melanda seluruh dunia secara serius.

Malahan semalam, Wakil Peribadi Ketua Negara Zimbabwe, Tichaona J B Jokonya, mencadangkan supaya Sidang Kemuncak G-15 kali ketujuh ini mengeluarkan deklarasasi khas iaitu berasingan daripada perisytiharaan bersama yang akan dikeluarkan di akhir sidang berkenaan.

Cadangan itu dijangka dipersetujui oleh semua negara ahli G-15.

(END)